

Mahathir: \$131 juta dibelanja utk skim pinjaman buku teks

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, berkata hari ini bahawa Kementerian Pelajaran membelanjakan kira-kira \$131 juta bagi skim pinjaman buku teks bagi tempoh 1975-1979.

Skim tersebut yang dilancarkan dalam tahun 1975 memberi pinjaman buku-buku teks percuma kepada semua murid sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan juga kepada mereka yang layak di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil serta sekolah-sekolah menengah.

Beliau menegaskan skim itu merupakan rancangan kerajaan yang penting untuk menentukan semua murid tidak kira miskin atau kaya mendapat pelajaran yang lebih sempurna dan dengan itu menghadkan berlakunya kecliran.

"Saya sengaja menyebutkan

ALOR SETAR, Isnin

angka perbelanjaan ini supaya rakyat sedar betapa bersungguhnyanya Kerajaan bertindak untuk memajukan kehidupan rakyat melalui pelajaran terutama di luar-luar bandar dan kepada mereka yang kurang mampu," tambahnya.

Bertindak

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan bangunan tambahan yang menelan belanja sebanyak \$140,000 bagi sekolah rendah kebangsaan Guar Kepayang, 16 batu ke tenggara bandar ini.

Seterusnya Dato Seri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa sekolah-sekolah yang indah tidak akan bertambah maju jika tidak ada penglibatan dan kerjasama yang rapat antara guru-guru, ibubapa dan murid-murid secara

bersungguh-sungguh, ikhlas serta penuh bertanggungjawab.

Usaha-usaha yang padat dan tersusun berasaskan kerjasama dan persefahaman di antara semua pihak adalah diperlukan, tegasnya.

Katanya, walaupun kemajuan pelajaran yang telah dicapai sehingga masa ini sangat membanggakan tetapi masih banyak lagi yang boleh dilakukan untuk mencapai kemajuan yang lebih tinggi dan bermakna.

"Di sinilah letaknya tanggungjawab Persatuan Ibubapa dan Guruguru (Pibg) untuk mencari jalan supaya suasana kerjasama yang berasaskan persefahaman itu sentiasa berkekalan," tegasnya.

"Pibg yang cekap dan mempunyai kepimpinan yang baik dapat mengadakan asas tersebut dan dapat terus berusaha menjalinkan kerjasama bagi kemajuan pelajaran yang lebih tinggi," ujar Dato Seri Dr. Mahathir lagi. — Bernama.